



## KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

**NAMA KURSUS : BAHASA KEBANGSAAN (A)**  
**KOD KURSUS : MPU2213/MPU2043/MPU2013/MPW1113**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016**  
**MASA : 3 JAM**

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA(2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)
  2. Jawab **SATU(1)** soalan dari BAHAGIAN A dan jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN B.
  3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
    - i. Kertas Soalan
    - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A: KARANGAN****ARAHAN:**

Bahagian A mengandungi DUA soalan . Jawab SATU soalan sahaja. Panjang karangan anda adalah TIDAK KURANG daripada 300 patah perkataan.

- i. Baru-baru ini kolej anda telah mengadakan majlis perasmian kolej. Majlis Perwakilan Pelajar telah terlibat secara langsung sebagai ahli jawatankuasa kecil dalam acara perasmian ini. Sebagai setiausaha, anda telah ditugaskan untuk menyediakan laporan lengkap tentang majlis perasmian tersebut.

Tulis laporan anda.

2. Persatuan Kesenian dan Kebudayaan kolej anda akan menganjurkan pertandingan menyanyikan lagu-lagu patriotik sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat kolej. Selaku setiausaha dalam program tersebut, anda dikehendaki menulis kertas kerja kepada pihak pengurusan kolej untuk mendapatkan kelulusan peruntukan untuk menjayakan program tersebut. Kertas kerja anda mestilah mengandungi tajuk, pendahuluan, matlamat, objektif, maklumat program, tentatif program, senarai ahli jawatankuasa, bajet dan penutup.

Tulis kertas kerja anda selengkapnya.

(Jumlah : 50 markah)

**BAHAGIAN B: ISU-ISU TATABAHASA****ARAHAN:**

Bahagian B mengandungi **LIMA** soalan. Jawab **SEMUA** soalan.

**SOALAN 1:**

Nyatakan gelaran kehormat bagi individu yang berikut:

	Butiran	Gelaran Kehormat
1.	Perdana Menteri	
2.	Menteri Besar	
3.	Wakil Rakyat	
4.	Ketua Hakim Negara	
5.	Isteri Perdana Menteri	
6.	Ketua Jabatan bergelar Dato'	
7.	Imam	
8.	Pengetua	
9.	Yang di-Pertuan Agong	
10.	Ketua kampung	

**(10 Markah)**

**SOALAN 2**

Proses pengimbuhan adalah proses yang menambahkan atau menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Dalam petikan di bawah terdapat **sepuluh** kata dasar yang belum ditambah imbuhan. Kesan kata dasar tersebut dan tambahkan imbuhan yang betul. Anda dikehendaki menyalin semula petikan dan gariskan jawapan anda.

Manusia perlu menjaga kesihatan diri dan keluarga bagi memperoleh kuat menyeluruh. Penjagaan makan terutamanya makanan yang menjadi asas kesihatan ialah keutamaan bagi semua individu. Usaha ini penting bagi elak pelbagai penyakit kronik dan bahaya. Oleh sebab itu, pemakanan perlu dijaga dan dikawal pada setiap hari.

Ambil makanan perlu dilakukan secara sederhana dan dikawal bagi mengelakkan penyakit berbahaya yang dapat mudarat diri. Pengambilan buah dan sayur segar pula perlu dilebihkan. Di samping itu pengambilan makanan perlu henti sebelum kenyang. Hal ini memberikan kebaikan kepada sistem pencernaan tubuh dan kesihatan, seterusnya dapat mengelakkan obesiti. Berdasarkan kajian juga makanan ialah asas pelbagai sakit.

Obesiti menjadi sebab bagi penyakit kronik, seperti sakit jantung, diabetes, sakit lutut, pernafasan terhenti sewaktu tidur, strok, kanser dan gout. Antara penyakit kronik yang sering hidap pula termasuklah penyakit darah tinggi, kardiovaskular, hipertensi, diabetes, kanser payu dara dan kanser testis. Semua penyakit ini dikatakan berpunca daripada amalan gaya hidup yang kurang sihat.

(Disesuaikan daripada rencana:  
“*Makanan Asas Kesihatan*”,  
Dewan Kosmik, Jun 2016)

**SOALAN 3:**

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti jenis-jenis ayat yang terdapat dalam petikan tersebut. Salin ayat tersebut dan nyatakan jenis ayatnya.

Pada masa ini, budaya menghormati guru semakin kurang dan luntur(1). Hal ini berlaku kerana perubahan waktu dan situasi semasa(2). Faktor utama yang menyebabkannya ialah pandangan ibu bapa terhadap guru(3). Ibu bapa lebih sayangkan anak tetapi bentuk kasih sayang itu agak lebih memanjakan mereka(4).

Jika guru memukul murid, ibu bapa akan datang ke sekolah menyaman guru(5). Justeru itu, budaya menghormati guru ini perlu diperkasakan semula dalam kehidupan masyarakat masa ini(6).

Tarikh 16 Mei diisytiharkan sebagai Hari Guru(7). Sambutan diadakan pada semua peringkat di seluruh pelosok negara(8). Guru sebagai pembina negara bangsa membawa harapan yang tinggi kerana mereka bertindak sebagai pembimbing dan pendidik anak bangsa yang akan menjadi penyambung generasi pemimpin masa depan(9). Guru memang berwibawa sebagai pendidik dan pembimbing ummah sejak dahulu lagi(10).

(Disesuaikan daripada rencana:  
“*Guru Pembina Negara Bangsa*”,  
Dewan Budaya , Mei 2016)

**SOALAN 4:**

Baca puisi tradisional di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan berikutnya.

**Azam Tak Sudah**

Ke sana sini menggapai keriangan,  
Ketam merayap menyusur lubang;  
Belum bersemi terkulai di tangan,  
Azam tetap di dada berkubang.

Ketam merayap menyusur lubang,  
Kaki terluka tiada terasa;  
Azam tetap di dada berkubang,  
Selagi usia masih bersisa.

Kaki terluka tiada terasa,  
Lukanya kecil tiada parah;  
Selagi usia masih bersisa,  
Usah sekali kita menyerah.

Lukanya kecil tiada parah,  
Mula berparut gatal terasa;  
Usah sesekali kita menyerah,  
Azam dituntut dilangsai sedaya.

Mula berparut gatal terasa,  
Disapu ubat mesra kulit;  
Azam dituntut dilangsai sedaya,  
Agar hidup tak pernah sulit.

Disapu ubat mesra kulit,  
Rasa selesa tidak terkata;  
Agar hidup tak pernah sulit,  
Azam ditekal perlu dinyata.

Rasa selesa tidak terkata,  
Melihat bunga jatuh berguguran;  
Azam ditekal perlu dinyata,  
Agar hidup senang berpanjangan.

***Nordin Saad***

***Seri Tanjung, Perlis.***

- i. Puisi di atas ialah puisi tradisional. Namakan jenis puisi tersebut.  
(2 Markah)
- ii. Bincangkan **dua** azam diperlukan untuk menguatkan keinginan seseorang mencapai sesuatu matlamat dalam hidup.  
(4 Markah)
- iii. Guru ialah penjana kecemerlangan ummah. Jika anda seorang guru yang berdedikasi, huraikan **empat** langkah yang boleh anda ambil untuk membina keazaman dalam kalangan pelajar anda demi mencapai kejayaan dalam sesuatu peperiksaan.  
(4 Markah)  
  
(10 Markah)

**SOALAN 5:**

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan dan pendapat anda, bincangkan keburukan penggunaan perkataan singkatan dalam media sosial terhadap generasi muda.

Media sosial merupakan media popular masa kini. Rata-rata dalam kalangan kita biasa menggunakannya. Apabila berkomunikasi dalam media tersebut, penggunanya tentulah akan menggunakan bahasa sebagai wahana komunikasinya.

*Facebook* dan *twitter* merupakan antara media sosial yang paling popular masa kini. Penggunanya meliputi pelbagai bangsa dan lapisan masyarakat. Apabila berkomunikasi dalam media tersebut, pengguna lazimnya akan menggunakan pelbagai bentuk bahasa, antaranya termasuklah singkatan. Selain dalam media tersebut, singkatan turut digunakan dalam telefon pintar yang memiliki pelbagai jenis khidmat "mesej pintar", seperti *WhatsApp*, *telegram*, *Wechat* dan *LINE*.

Sekiranya kita perhatikan bentuk penggunaan singkatan dalam media tersebut, kita akan dapat bahawa bentuknya seperti bentuk singkatan yang popular suatu ketika dahulu, iaitu singkatan SMS. SMS atau kepanjangannya khidmat pesanan ringkas (short message service) merupakan khidmat yang begitu popular dalam kalangan pengguna telefon bimbit sejak tahun 1995.

Bahasa SMS ialah bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi secara tulisan melalui saluran SMS dan bahasa yang lazim digunakan ialah bahasa yang tidak baku atau bahasa basahan. Bahasa ini dari aspek leksikalnya mempunyai unsur-unsur campuran antara bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa daerah atau dialek. Singkatan digunakan secara sewenang-wenang seperti *leh join* (boleh bergabung), *yang cute* (yang cantik), *sume* (semua), *jer* (sahaja) dan *pastu* (selepas itu). Penggunaan bahasa SMS yang tidak terkawal menimbulkan kerisauan kepada ahli bahasa kerana gejala ini boleh memberikan kesan kepada perkembangan bahasa Melayu. Namun demikian kepentingan SMS dalam situasi rasmi sememangnya tidak boleh dinafikan. Hal ini disebabkan maklumat dapat disampaikan dengan pantas dan dalam masa yang sangat singkat.

Kini SMS tidak lagi popular seperti awal kemunculannya. Walau bagaimanapun, penggunaan singkatan masih lagi berlaku tetapi dalam media yang lain pula dan lebih besar lagi, iaitu media sosial seperti Facebook dan twitter serta dalam telefon pintar yang ada pelbagai jenis khidmat "mesej pintar". Dalam media itulah pelbagai bentuk singkatan telah digunakan secara meluas dan lazimnya ditulis sesuka hati, bergantung kepada kehendak atau keinginan penggunanya, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Walau bagaimanapun, sekiranya ada kesedaran dalam kalangan pengguna media tersebut untuk menggunakan bentuk singkatan yang lebih baik, mereka boleh menggunakan singkatan yang lebih tersusun dan jelas dari segi maksud kepanjangannya.

(Disesuaikan daripada rencana:  
"Singkatan dalam Media Sosial dan 'Mesej Pintar' ",  
Dewan Bahasa, Jun 2016)

**KERTAS SOALAN TAMAT**



